



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

UCAPAN SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

PUTRAJAYA, 29 Mei - Menteri Perpaduan Negara ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai** kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh dan Selako serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak yang meraikan perayaan ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan sahaja perayaan warisan yang kaya dengan nilai adat resam dan budaya, malah ia melambangkan **semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan** dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. **Kepelbagaian budaya, bahasa, dan warisan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia adalah satu anugerah dan kekuatan** yang tidak ternilai. Ia menjadikan Malaysia unik di mata dunia dan perlu terus **dipelihara, dihormati dan diraikan oleh semua lapisan masyarakat**.

“Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar ini, **generasi muda memainkan peranan penting** dalam mewarisi dan mengekalkan adat resam serta amalan budaya nenek moyang. Mereka harus dididik untuk **memahami, menghormati dan menerima** kepelbagaian sebagai satu landasan keharmonian dan kekuatan nasional”, tambah beliau.

Kerajaan **Malaysia MADANI** melalui **Kementerian Perpaduan Negara** kekal komited dalam memperkukuh nilai perpaduan sebagai **teras pembangunan negara**. Seiring dengan semangat ini, pelbagai inisiatif seperti **program silang budaya, pendidikan warisan, serta dialog antara komuniti** terus diperkasakan.

Semangat ‘Segulai Sejalai’ - seiring dan sejalan menjadi lambang kepada kekuatan kita sebagai sebuah negara berbilang kaum dan etnik. Ia bukan hanya slogan, tetapi nilai hidup yang harus ditanam dalam hati setiap warganegara, khususnya generasi muda yang bakal mewarisi masa depan Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara mengajak rakyat Malaysia agar menyambut perayaan ini dengan jiwa Malaysia MADANI, dengan memupuk hormat dalam kepelbagaian, memelihara khazanah budaya warisan, dan memperteguh silaturahim sebagai asas kekuatan negara bangsa yang bersatu.

**Gayu Guru Gerai Nyamai.
Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan.**

Kementerian Perpaduan Negara

29 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (38)

